

# Dana cecah RM279b

■ PNB diiktiraf sebagai syarikat pelaburan terbesar di Malaysia

Nora Mahpar

noramahpar@NSTP.COM.MY

Kuala Lumpur

**P**ermodalan Nasional Bhd (PNB), kini diiktiraf sebagai syarikat pelaburan terbesar di Malaysia dengan jumlah dana mencapai RM279 bilion.

Pengerusi Kumpulan, Tan Sri Abdul Wahid Omar, berkata 98 peratus daripada dana dilaburkan di dalam negara untuk membantu mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan dan kerjaan untuk rakyat.

Katanya, ia termasuklah memberikan peluang yang saksama kepada golongan profesional bumiputera dalam sektor korporat.

"70 peratus daripada dana itu kami laburkan dalam saham tersenarai. Pelaburan dalam saham tersenarai bernilai RM200 bilion merangkumi lebih 10 peratus daripada nilai modal pas-

“

70 peratus daripada dana itu kami laburkan dalam saham tersenarai”

Abdul Wahid Omar



ran syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia.

"Ini termasuk 10 syarikat strategik iaitu Maybank, Sime Darby Plantation, Sime Darby Bhd, Sime Darby Property, SP Setia, UMW Holdings, UMW Oil & Gas, CCM, CCM Duopharma dan MNRB."

"PNB juga memiliki pelaburan dalam lebih 40 syarikat teras seperti Telekom Malaysia Bhd (TM), Axiata,

MMC, Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan BIMB Holdings, yang mana PNB memiliki lebih 10 peratus ekuiti atau nilai pelaburan lebih RM1 bilion dalam syarikat berkenaan," katanya dalam kenyataan sempena Ulang Tahun PNB ke-40.

Beliau berkata, PNB mendukung aspirasi supaya lebih ramai Lembaga Pengarah wanita dalam syarikat korporat, yang me-

nyaksikan syarikat strategik PNB mematuhi keperluan 30 peratus ahli Lembaga Pengarah adalah dari kalangan wanita.

"Malah tiga daripada 10 syarikat strategik kami dipengerusikan oleh wanita iaitu Pengerusi Maybank, Datuk Mohaiyani Shamsuddin, Pengerusi CCM, Datuk Normala Abdul Samad dan Pengerusi CCM Duopharma, Tan Sri Siti Siti Sa'adiah," katanya.

Abdul Wahid turut menghargai kepemimpinan PNB terdahulu antaranya, Allahyarham Tun Ismail Ali selaku Pengerusi pertama dan Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid sebagai Pengerusi kedua.

"Tidak dilupakan juga penghargaan kepada semua pelabur yang memberikan kepercayaan kepada kami untuk menguruskan wang mereka secara profesional.

"Kami berharap akan mendapat sokongan bertenagakan daripada anda semua," katanya.